

UCAPAN DR YAACOB IBRAHIM, MENTERI PENERANGAN, PERHUBUNGAN DAN KESENIAN DAN MENTERI BERTANGGUNGJAWAB BAGI EHWAL MASYARAKAT ISLAM DI MAJLIS ANUGERAH PERSURATAN 2011 YANG KE-10 PADA HARI SABTU, 30 JULAI 2011, JAM 3.45 PETANG, DI HOTEL SHANGRI-LA

Encik Hawazi Daipi

Setiausaha Parlimen Kanan (Pendidikan dan Tenaga Manusia) dan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura

Encik Masagos Zulkifli,

Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri dan Ehwal Luar) dan Pengerusi Jawatankuasa

Penganjur Anugerah Persuratan

Para penerima Anugerah Persuratan

Hadirin sekalian

Assalamualaikum wrwb dan salam sejahtera

1. Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama hadirin sekalian dalam Majlis Anugerah Persuratan 2011 ini.
2. Arena persuratan Singapura akan menjadi lebih rancak dengan adanya pelan bersepadu untuk mengembangkan seni persuratan setempat. Sastera Melayu tidak terkecuali dan akan turut meraih manfaat daripada perkembangan positif ini.

Sastera & Warisan

3. Sastera Melayu memainkan peranan penting untuk mengembangkan warisan dan menyampaikan gejolak rasa, denyut nadi serta isi hati atau suara masyarakat. Selain keindahan bahasa, penghasilan karya-karya sastera Melayu turut diisi dengan pemikiran, pandangan hidup, falsafah dan peradaban Melayu, terutama dalam konteks masyarakat kita yang berbilang bangsa, bahasa dan budaya.
4. Sekiranya kepelbagaian ini dapat diolah dan dianyam dengan indah, pasti pembaca akan tertarik untuk membaca karya-karya tersebut dan mengenali dengan lebih mandalam, dan sekaligus melestarikan warisan kita melalui sastera.

5. Saya yakin di tengah-tengah perkembangan Singapura sebagai sebuah bandar kosmopolitan, peranan persuratan Melayu akan terus mendapat dorongan yang lebih kukuh. Saya juga yakin badan-badan persuratan Melayu, khususnya Majlis Bahasa Melayu Singapura, akan memainkan peranan yang lebih penting untuk memastikan ketekalan mutu karya-karya yang dihasilkan.

6. Dalam hal ini, Anugerah Persuratan telah memainkan peranan penting dengan memberi pengiktirafan kepada penulis-penulis berbakat dan karya-karya yang bermutu.

7. Anugerah Persuratan yang sudah masuk tahun ke-10 ini dapat mendorong penulis untuk menyumbang secara prolifik, bukan sahaja dari segi bilangan karya yang dihasilkan, tetapi juga membantu meningkatkan tanda aras mutu bagi karya-karya itu.

Sokongan Pemerintah untuk Sastera

8. Pemerintah akan terus memberi sokongan untuk merancakkan arena persuratan tanah air. Kini terdapat pelbagai geran bagi para penulis dan badan-badan persuratan untuk mengembangkan dan memaparkan sastera Melayu.

9. Selain itu, terdapat juga pelbagai kegiatan persuratan yang dijalankan sepanjang tahun, yang boleh disertai para peminat sastera, seperti Bulan Bahasa dan Pesta Penulis Singapura.

10. Kesemua kegiatan ini diharap akan dapat menyemarakkan arena persuratan setempat dan memberi wadah untuk para sasterawan dan peminat sastera bertemu, bertukar fikiran serta mencetuskan idea-idea bagi melahirkan karya-karya yang lebih dinamik.

Memupuk Bakat

11. Untuk mengembangkan potensi dunia persuratan Melayu setempat, kita perlu memupuk generasi penulis baru dan memberi ruang dan peluang kepada penulis-penulis baru untuk terus mengasah bakat penulisan mereka sama ada di dalam ataupun di luar negara.

12. Sebagai contoh, baru-baru ini, dua orang penulis muda kita telah berkesempatan untuk mengikuti bengkel penulisan novel MASTERA (Majlis Sastera Asia Tenggara) di Bogor, Indonesia selama seminggu. Kami berharap dengan pendedahan sebegini, penulis-penulis ini akan dapat menajamkan mata pena mereka dan memberi kesegaran kepada dunia persuratan Melayu tanah air.

Penutup

13. Kita maklum bahawa Singapura pernah menjadi hub persuratan dan penerbitan Melayu pada suatu masa dahulu. Saya rasa para sasterawan kita pada hari ini bukan sahaja mampu menghidupkan semula tradisi gemilang tersebut bahkan mampu serta berkeyakinan untuk mencipta sejarah gemilang mereka sendiri.

14. Kini, dengan pelbagai inisiatif untuk mengembangkan kesenian di Singapura, sudah tentu kita dapat menjangkakan hasil-hasil karya yang lebih menarik dan bermutu tinggi daripada para penulis kita pada masa hadapan. Mungkin juga terdapat ruang dan wadah untuk para penulis bereksperimen dan menggabungkan pelbagai media untuk melahirkan karya sastera yang lebih dinamik.

15. Yang pasti, kita dapat menjangkakan bahawa sastera Melayu di Singapura akan terus berkembang. Secara sedar atau tidak, kesinambungan ini telah membina laluan untuk melebarkan jalur kesusasteraan Singapura. Meskipun akan terdapat kelainan, sastera Melayu Singapura turut sama memberikan sumbangan bermakna dalam pembangunan sastera Melayu di Nusantara disamping mencari peluang meneroka dan menapak di ruang-ruang persuratan di persada dunia.

16. Akhir kata, tahniah kepada Majlis Bahasa kerana menganjurkan Anugerah Persuratan yang ke-10 ini. Saya juga mengucapkan syabas kepada semua penerima Anugerah Persuratan. Semoga kejayaan anda pada tahun ini menjadi pencetus inspirasi untuk para sasterawan menghasilkan karya yang lebih bermutu dan mengayakan lagi warisan sastera Melayu Singapura.

Sekian. Terima kasih.
